

21 JUN 1982

21/6/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

ISNIN, 21 JUN, 1982

PERSEDIAAN MENGHADAPI SEBARANG KEMUNGKINAN

BILA Perdana Menteri meragui adanya kuasa-kuasa besar yang akan membantu kita jika negara menghadapi ancaman seperti yang dialami oleh Lebanon, beliau bermaksud supaya kita sentiasa bersedia untuk kemungkinan buruk demikian. Persediaan itu, seperti yang dibayangkan oleh beliau, harus meliputi segala aspek pertahanan dan kekuatan negara — kelengkapan ketenteraan yang sempurna dan ekonomi yang teguh. Ia juga menuntut tanggungjawab dari rakyat memainkan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi — tentera dengan latihan dan pengetahuan mengenai peperangan moden yang sempurna, dan rakyat lain dengan bekerja keras meningkatkan pencapaian ekonomi mengikut bidang masing-masing.

Tetapi mengapa bercakap mengenai ancaman perang pada ketika kita menumpukan perhatian yang besar kepada usaha membendung kemelesetan dan meningkatkan kem-

bali ekonomi negara? Jawapannya ialah kita harus sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan, walau betapa jauh pun ia dari kita. Tetapi kemungkinan buruk demikian dalam pergolakan dunia sekarang tidak pula begitu mustahil. Perdana Menteri mengecam Israel sebagai negara yang sama kejam dan angkuhnya seperti Nazi. Tetapi hakikat kelemahan Bangsa-bangsa Bersatu mengekang tindakan ganas dan kejam seperti yang dilakukan oleh Israel ke atas Lebanon itu dan tiadanya pula kuasa yang dapat membantu Lebanon dan rakyat Palestin mempertahankan diri dalam waktu-waktu begini harus menjadi pengajaran bagi kita.

Secara bersendirian, Israel tidak mungkin boleh bertindak demikian biadab. Ia menjadi berani dan kuat kerana secara tidak langsung ia menerima sokongan dan bantuan yang besar dari Amerika Syarikat. Sokongan itu diberinya kerana kepentingannya sen-

diri di Asia Barat dan juga kerana pengaruh Yahudi yang bukan kecil di Amerika Syarikat sendiri. Jika tindakan itu bertentangan dengan kepentingannya sendiri, seperti pencerobohan Argentina ke atas Falklands, Amerika Syarikat pasti tidak teragak-agak menggunakan segala kuasa dan pengaruhnya untuk mematahkannya.

Bukanlah perkara mustahil kuasa lain pula, katalah Russia, menauladani tindak-tanduk Amerika dan berselindung di sebalik peristiwa yang telah dimulakannya itu. Dengan menggunakan Vietnam, umpamanya, atau pun mana-mana negara yang boleh diperalatkannya, pencerobohan dan kekejaman yang membelakangkan peraturan dan fikiran antarabangsa juga boleh berlaku di rantau ini pada bila-bila masa. Kerana itulah kita tidak boleh alpa dari tanggungjawab menyediakan pertahanan yang sempurna pada sepanjang masa. Kerana itulah juga setiap rakyat harus menyemalkan semangat yang betul dalam diri masing-masing.

No. Siri

2855

No. B.

600/12